

Keganasan: Dewan Tertinggi BN sokong pendirian kerajaan

UM 6 OCT 2001

KUALA LUMPUR 5 Okt. — Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) menyokong pendirian kerajaan supaya diadakan persidangan antarabangsa mengenai isu pengganasan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sementara menyokong tindakan untuk memburu pengganasan dewan itu tidak bersetuju mana-mana pihak menyerang mana-mana negara.

Sebaliknya, kata beliau, mesyuarat mahu supaya punca masalah itu dikenal pasti dan tindakan diambil bagi menyelesaikannya.

"Sebaik-baiknya ia diadakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Kalau tak dapat kumpulan semua negara pun, negara-negara yang banyak terlibat dengan masalah itu perlu mengambil bahagian dalam perbincangan untuk tentukan apa dia pengganasan dan tindakan yang perlu diambil," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat itu di Ibu Pejabat UMNO di sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata, dewan itu juga diberi taklimat mengenai isu kumpulan pengganasan seperti KMM oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, semua parti komponen BN berpuas hati de-

ngan langkah-langkah yang diambil untuk menangani masalah itu.

"Mereka menyokong tindakan seperti memasukkan mereka ini dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA)," tambahnya.

Ditanya adakah persidangan antarabangsa mengenai pengganasan itu perlu dihadiri oleh pemimpin negara-negara Islam, Dr. Mahathir berkata, pemimpin Islam akan mengadakan mesyuarat peringkat Menteri Luar Pertubuhan Negara Islam (OIC) di Qatar, 10 Oktober depan untuk membincangkan isu itu.